

Caliphate System During Mamluk Era and Analysis of The Caliphs From 872H/1468AD To 922H/1517AD

Sistem Khilafah Pada Zaman Mamluk dan Analisis Terhadap Para Khalifah Dari 872H/1468M Sehingga 922H/1517M

Wan Kamal Mujani
inawan@ukm.my
inamal@yahoo.com

Institut Kajian Rantau Asia Barat &
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Article received on 11 May 2012; Article published online on 30 June 2012.

Abstract

The aim of this article is to examine the continuity and survival of the 'Abbasid Caliphate in Egypt during the Mamluk period after the 'Abbasid Caliphate in Baghdad came to the end in 656H/1258AD. It also seeks to discuss the position and power of the caliphs, especially during the period of 872H/1468AD - 922H/1517AD. For three and a half years the Islamic world was left without a caliph until it was revived by Sultan al-Zahir Baybars in 659H/1261AD. Since then, the 'Abbasid Caliphate continued in Egypt until the fall of the Mamluk kingdom in the hand of the Ottomans in 922H/1517AD. The primary and secondary sources of this article find that the Abbasid caliphate during the reign of the Circassian Mamluk was also a continuation of the Abbasid caliphate which was re-established in the reign of the Turkish Mamluk. The Circassian sultans only continued the tradition of the caliphate which was restored by Turkish sultans without making any changes in the position and power of the caliphs. During the period from 872H/1468AD till 922H/1517AD, four individuals were installed as caliphs. They were descendants of al-Hakim bi Amr Allah. Accounts from primary sources also indicate that the caliphs in the Mamluk kingdom were weak and did not involve in any decision making process to legislate for government policy. Their life was controlled by the sultans, who bore the cost of their maintenance, thus making them in a difficult situation.

Key words: *Caliphate, Caliph, 'Abbasid, Mamluk and Egypt*

Abstrak

Artikel ini bermatlamat untuk meninjau kesinambungan dan kelangsungan Khilafah ‘Abbasiyah di Mesir pada zaman kerajaan Mamluk setelah Khilafah ‘Abbasiyyah berakhir di Baghdad pada 656H/1258M. Artikel ini juga bertujuan untuk mengkaji kedudukan dan kuasa para khalifah pada masa tersebut terutamanya dalam tempoh 872H/1468M-922H/1517M. Setelah tiga tahun setengah dunia Islam tidak mempunyai khalifah, sistem khilafah ini kemudiannya dihidupkan semula oleh Sultan al-Zahir Baybars pada 659H/1261M. Sejak itulah Khilafah ‘Abbasiyyah diteruskan di Mesir sehinggalah kejatuhan kesultanan Mamluk di tangan kerajaan ‘Uthmaniyyah pada 922H/1517M. Artikel yang menggunakan sumber-sumber primer serta sekunder ini mendapati bahawa Khilafah ‘Abbasiyyah pada zaman Mamluk Jarkashi ialah kesinambungan daripada Khilafah ‘Abbasiyyah yang diwujudkan semula pada zaman Mamluk Turki. Para sultan Mamluk Jarkashi hanyalah meneruskan tradisi khilafah tersebut tanpa membuat sebarang perubahan terhadap kedudukan atau kuasa para khalifah. Dalam tempoh 872H/1468M sehingga 922H/1517M, terdapat seramai empat orang individu yang dilantik sebagai khalifah. Mereka adalah daripada keturunan al-Hakim bi Amr Allah. Maklumat-maklumat daripada sumber primer juga menunjukkan bahawa para khalifah pada zaman kerajaan Mamluk adalah lemah dan mereka tidak terlibat dalam sebarang keputusan untuk mengesahkan polis kerajaan. Malah kehidupan mereka adalah dikuasai oleh para sultan yang menanggung kos sara hidup mereka. Ini membuatkan para khalifah tersebut berada di dalam keadaan yang ‘sukar’.

Kata kunci : Khilafah, Khalifah, Abbasiyyah, Mamluk dan Mesir

1. Pendahuluan

Sejarah Khilafah ‘Abbasiyyah di Kaherah bermula selepas kejatuhan pemerintahan Banu al-‘Abbas pada Safar 656H/Februari 1258M apabila khalifah yang terakhir di Baghdad iaitu al-Musta‘sim bi Allah al-‘Abbasi dibunuh oleh Mongol. Menurut beberapa tokoh sejarawan Mamluk yang terkenal iaitu Qutub al-Din al-Yunini (1955, 2: 96) (m.726H/1326M), Abu al-Fida’ ibn Kathir (t.th., 13: 231) (m.774H/1372M), al-Maqrizi (1957, 1: 409) (m.845H/1442M) dan Ibn Taghri Birdi (t.th., 7: 63-64, 201) (m.874H/1696M), dunia Islam tidak mempunyai khalifah selama tiga tahun setengah.¹ Sistem khilafah ini kemudiannya dihidupkan oleh Sultan al-Zahir Baybars yang melantik Abu al-Qasim Ahmad b. Muhammad sebagai Khalifah ‘Abbasiyyah yang pertama di Keherahⁱⁱ pada 13 Rejab 659H/13 Jun 1261M dengan gelaran al-Mustansir (Abu Shamah, 1947: 213; Shalabi, 1990, 5: 244).

Antara tujuan al-Zahir Baybars melantik dan mengiktiraf Ahmad b. Muhammad sebagai khalifah adalah untuk ‘mengesahkan’ kekuasaannya sebagai sultan. Beliau menyedari bahawa kedudukannya boleh diperkuatkan dan dimantapkan dengan menerima ‘pengesahan’ daripada khalifah yang dilantik. Ini kerana beliau telah membunuh Sultan al-Muzaffar Qutuz untuk mengambil alih takhta dan perlantikan beliau sebagai sultan telah mendapat bantahan dan tentangan ramai terutama para amir Mamluk di Syria (Khowaiter, 1978: 28-34). Oleh itu, dapat dinyatakan di sini bahawa pemewujudan jawatan khalifah tersebut adalah sangat penting untuk ‘mengesahkan’ kesultanan al-Zahir Baybars secara khusus dan kerajaan Mamluk secara umum di dalam dan luar negara.

Jawatan dan kewujudan khalifah tersebut juga adalah perlu kerana mengikut tradisi, seseorang individu itu tidak layak untuk mengisytiharkan dirinya sebagai sultan tanpa menerima ‘pengesahan’ atau ‘watikah’ daripada tangan khalifah itu sendiri dan sekiranya ia (sultan) melantik seseorang kadi maka keputusan atau fatwa yang dikeluarkan oleh kadi tersebut juga adalah tidak sah sehinggalah sultan itu mendapat ‘pengesahan’ atau ‘watikah’ daripada khalifah (Ibn Shahin al-Zahiri, 1894: 89).

Antara tujuan lain diwujudkan jawatan Khilafah ‘Abbasiyyah di Kaherah ialah untuk mempromosikan kerajaan Islam Mamluk di Mesir bagi meraih sokongan daripada penduduk tempatan dan masyarakat luar (Salim, 1965, 2: 10). Di samping itu, Sultan al-Zahir Baybars merasakan bahawa adalah perlu dinaikkan reputasi kerajaan Mamluk bagi mempertingkatkan kekuasaan serta martabatnya dan dari situ ia akan mempunyai perbezaan serta kelebihan yang tersendiri berbanding kerajaan-kerajaan Islam lain yang tidak mempunyai khalifah (Irwin, 1986: 44). Penulis merasakan bahawa sebahagian daripada faktor inilah yang menyebabkan jawatan khilafah telah diwujudkan pada zaman Mamluk Turki dan kemudiannya diteruskan sehinggalah berakhirnya kerajaan Mamluk Jarkashi.

Setelah Sultan al-Zahir Baybars melantik al-Mustansir sebagai khalifah, beliau kemudiannya menghantar surat pengisytiharan mengumumkan pelantikan khalifah tersebut kepada seluruh wilayah Islam di bawah naungan kerajaan Mamluk dan meminta agar nama

Khalifah al-Mustansir disebut dalam khutbah Jumaat, di samping dicetak pada mata wang yang digunakan. Inisiatif yang dilakukan oleh Sultan al-Zahir Baybars untuk menaikkan imej kesultanan dan reputasi kerajaan Mamluk di mata rakyat Mesir dan penduduk kawasan Islam yang lain, akhirnya menampakkan hasil. Sebagai contoh, Abu Numayy yang menyandang jawatan Sharif kota Mekah dan Madinah telah mengakui dan mengiktiraf khalifah tersebut. Kemudiannya, Kerajaan Islam kesultanan Delhi di bahagian utara India semasa pemerintahan Sultan Nasir al-Din Mahmud Shah (644-664H/1246-1266M) dan pemerintahan Berke Khan iaitu kerajaan Mongol Gorden Horde (655-665H/1257-1267M) juga dilaporkan telah mengiktiraf Khilafah ‘Abbasiyyah di Mesir (Northrup, 1998, 1: 247; Mahayudin, 1988, 1263-264).

Setelah kematian al-Mustansir ketika ekspedisi tentera menentang saki baki Mongol pada Muharram 660H/November 1261M, Sultan al-Zahir Baybars melantik pula Ahmad b. Hasan sebagai khalifah pada 2 Muharram 661H/16 November 1262M dengan gelaran al-Hakim.ⁱⁱⁱ Beliau memegang jawatan khalifah selama 40 tahun sehingga 701H/1301M dan daripada keturunannya lah para khalifah seterusnya dilantik sehingga kejatuhan kerajaan Mamluk pada 922H/1517M. Terdapat seramai 17 individu yang telah dilantik sebagai khalifah pada sepanjang pemerintahan Mamluk bermula dari al-Mustansir sehingga al-Mutawakkil III^{iv} dan mereka menggunakan gelaran *Amir al-Mu’minin* (Ketua umat Islam). Perlantikan ke jawatan khalifah adalah secara warisan iaitu seseorang khalifah akan meninggalkan wasiat agar salah seorang anaknya dilantik menggantikan tempatnya. Walau bagaimanapun, sumber-sumber sejarah melaporkan bahawa perlantikan tersebut perlu mendapat perkenan daripada sultan yang memerintah (Majid, 1964, 1: 35,39).

Sebagai contoh, pada tahun 741H/1340M, Sultan al-Nasir Muhammad b. Qalawun pernah mengeneipikan Ahmad b. Sulayman daripada jawatan khalifah meskipun al-Mustakfi iaitu khalifah pada ketika itu telah mewasitkan agar jawatan tersebut diserahkan kepada anaknya, Ahmad. Sebaliknya, Sultan al-Nasir Muhammad melantik anak saudara al-Mustakfi iaitu Ibrahim sebagai khalifah dengan gelaran al-Wathiq (al-Maqrizi, 1957, 2: 502-503; Surur, 1985: 81-82). Manakala dalam zaman pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq iaitu pada 785H/1383M, beliau telah memecat Khalifah al-Mutawakkil dan memenjarakannya. Beliau juga memaksa rakyat jelata menerima ‘Umar yang dilantiknya sebagai khalifah dengan menggunakan gelaran al-Wathiq (al-Maqrizi, 1957, 3: 494-495). Hal-hal yang berlaku di atas jelas menunjukkan bahawa kedudukan khalifah pada zaman Mamluk sebenarnya hanyalah merupakan ‘an ordinary post’ atau ‘jawatan biasa’ yang mana calon-calonnya adalah dipilih oleh sultan yang memerintah.

Berdasarkan tulisan sejarawan Mesir, dapat diperhatikan bahawa kewujudan Khilafah ‘Abbasiyyah di Kaherah pada zaman kerajaan Mamluk selama dua kurun setengah adalah untuk mengesahkan kekuasaan para sultan Mamluk. Pengiktirafan yang diberikan oleh khalifah terhadap kekuasaan seseorang sultan itu sebenarnya adalah sebagai balasan apabila sultan tersebut mengakui Khalifah itu sebagai *Amir al-Mu’minin*. Namun demikian, walaupun diakui

sebagai *Amir al-Mu'minin*, khalifah tersebut sebenarnya tidak mempunyai apa-apa kuasa langsung. Keadaan ini adalah berbeza dengan kedudukan Khalifah 'Abbasiyah di Baghdad sebelum penguasaan Bani Buwayh pada 334H/945M yang mana khalifah mempunyai kuasa mutlak dalam semua urusan negara. Pada zaman Mamluk dapat dilihat bahawa khalifah yang dilantik seolah-olah telah menyerahkan semua kekuasaan kepada sultan (Hasan, 1954: 387-388). Ini dapat diperhatikan ketika al-Mustansir menganugerahkan *Khil'ah* (jubah kehormat) dan *Taqlid* (watikah pelantikan) kepada Sultan al-Zahir Baybars. Antara kandungan watikah tersebut ialah:

...Dia (al-Mustansir) telah menganugerahkan ke atas Kamu (Baybars) kekuasaan ke atas Mesir, Syria, Diyarbakir, Hijaz, Yaman, kawasan Euphrates dan apa sahaja (wilayah) penaklukan yang bakal Kamu capai sama ada di tempat yang rata (lapang) atau berbukit. Dia juga menyerahkan kepada Kamu untuk memerintah semuanya itu termasuklah mengendalikan bala tentera dan penduduk-penduduknya, oleh itu Kamu haruslah menjadi contoh terbaik kepada mereka... (Baybars al-Mansuri al-Dawadar, 1988: 62-63).

2. Kuasa dan Bidang Tugas Khalifah Pada Zaman Mamluk

Secara umumnya, dapat dinyatakan bahawa para khalifah dalam era Mamluk tidak melibatkan diri dalam bidang politik dan mereka hanyalah berperanan sebagai boneka (Holt, 1984: 503). Perlantikan mereka sebagai khalifah adalah berdasarkan pemilihan dan persetujuan sultan (Majid, 1964, 1: 35,39; Surur, 1985: 81-82). Malah kewujudan mereka hanyalah untuk memberi pengesahan kepada kuasa setiap sultan walaupun mereka boleh dipecat daripada jawatan khalifah pada bila-bila masa oleh sultan yang memerintah (al-Maqrizi, 1957, 2: 502-503, 3: 494-495).

Ali b. Dawud al-Jawhari al-Sayrafi (1970: 1), sejarawan Mamluk turut menyatakan bahawa khalifah tidak memiliki apa-apa kuasa selain nama, malah tempat tinggal khalifah di *Qal'at al-Jabal* (Cairo Citadel) berserta makan minum juga disediakan oleh sultan. Kehidupan sebenar khalifah adalah bagai dalam penjara dan setiap pergerakan serta aktiviti sosial mereka sentiasa dikawal oleh sultan. Khalifah juga hanyalah boneka dan kerap kali para sultan mempergunakannya untuk kepentingan mereka sendiri (Surur, 1938: 62-73). Meskipun pada zahirnya nama khalifah berada di tempat teratas dalam hierarki pemerintahan kerajaan Mamluk, namun pada hakikatnya ia tidak memberikan apa-apa erti.

Sejarawan Mamluk melaporkan bahawa khalifah kehilangan hak-hak keistimewaan dan nama atau gelaran mereka telah dipadamkan daripada mata wang. Begitu dengan nama mereka yang tidak selalu disebut dalam khutbah Jumaat. Sebagai contoh, pada zaman al-'Adil Salamish b. Baybars (678H/1279M), nama Khalifah al-Hakim telah dihapuskan daripada wang yang diguna dan diganti dengan nama salah seorang amir (Ibn Taghri Birdi, t.th., 7: 270). Manakala pada zaman Mamluk Jarkashi, nama khalifah boleh dikatakan tidak dicetak langsung di atas wang. Pada pandangan penulis, hal ini dilakukan oleh mereka yang memerintah bagi

menghadkan kuasa khalifah dan supaya masyarakat umum tidak menganggap bahawa khalifah ialah pemimpin utama mereka.

Hakikatnya, tugas utama khalifah pada zaman Mamluk Jarkashi ialah memberi baiah kepada sultan yang dilantik dan hal ini dapat dilihat dengan jelas sekali ketika pelantikan al-Nasir Muhammad b. Qaytbay, al-Zahir Qansuh dan al-Ashraf Tumanbay sebagai sultan (Ibn Iyas, 1960, 3: 324,405, 5: 105). Keadaan ini adalah agak berbeza dengan zaman Mamluk Turki yang mana kebanyakan sultan memberi baiah kepada khalifah. Sejak zaman Mamluk Jarkashi, peranan atau fungsi khalifah semakin penting disebabkan persaingan antara kelompok-kelompok Mamluk untuk merebut takhta. Setiap sultan yang baru dilantik cuba menyelamatkan kedudukannya dengan memperolehi watak daripada khalifah. Namun demikian, watak yang dianugerahkan oleh khalifah tidaklah akan menjamin kedudukan sultan tersebut sekiranya berlaku pemberontakan di kalangan amir untuk merampas takhta.

Malah dalam pelantikan seseorang sultan, khalifah sebenarnya tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menentukan siapa yang bakal dilantik menjadi sultan. Sebenarnya, khalifah akan bersetuju dengan sesiapa sahaja yang dilantik sebagai sultan sekiranya para amir yang berkuasa telah menetapkan individu tersebut sebagai sultan baru dalam *Mashurah* (mesyuarat) yang diadakan. Sekiranya khalifah tidak menyetujui pelantikan tersebut, maka ia akan berhadapan dengan pemecatan jawatannya sebagai khalifah.

Tugas-tugas lain yang dilaksanakan oleh khalifah ialah mengiringi sultan dalam peperangan,^v majlis-majlis keramaian dan kadang kala menghadiri mesyuarat sebagai pemerhati tanpa memberi sebarang pandangan atau pendapat. Meskipun khalifah dianggap sebagai ‘Ketua umat Islam’ (Amir al-Mu’minin) atau ‘Ketua agama Islam’, namun ia tidak boleh memberi sebarang keputusan agama atau undang-undang. Pada akhir kesultanan Mamluk, para khalifah hanyalah dilaporkan bertugas sebagai peneman kepada para kadi untuk mengucapkan selamat kedatangan bulan baru kepada sultan pada setiap awal bulan Islam (Ibn Iyas, 1960, 5: 15,23; al-Sayrafi, 1970: 7; Arnold, 1924: 101).

Dari sudut perbelanjaan sara hidup khalifah, ia ditanggung sepenuhnya oleh sultan. Sebagai contoh, menurut ‘Abd al-Rahman b. Abu Bakr al-Suyuti (1952: 478), Sultan al-Zahir Baybars telah menyediakan beberapa orang pegawai dan tentera Mamluk untuk berkhidmat di bawah al-Mustansir. Di samping itu, beliau disediakan sebanyak 100 ekor kuda, sejumlah wang, makanan, pakaian dan kediaman di *Qal’at al-Jabal*.^{vi} Peruntukan yang sama diberikan kepada para khalifah selepas itu, namun dengan kadar yang berbeza-beza. Tujuan utama semua kemudahan ini diberikan adalah untuk memastikan para khalifah sentiasa ‘bersama’ sultan dengan tidak menyertai sebarang pemberontakan dan agar mereka sentiasa bersetuju dengan segala arahan sultan.

Pada zaman Mamluk Turki, khususnya pada era awal, para khalifah menerima peruntukan yang selesa dan mencukupi. Namun, pada zaman Mamluk Jarkashi, peruntukan atau kemudahan tersebut dikurangkan. Sebagai contoh, Sultan al-Zahir Barquq hanya memberikan sejumlah kecil *Iqta'* kepada khalifah, termasuklah gaji sebanyak 500 *Dinar* sebulan dan keperluan-keperluan lain seperti gandum, barli dan daging (Majid, 1964, 1: 41). Pada akhir kesultanan Mamluk pula ketika kerajaan mengalami krisis ekonomi, Khalifah al-Mutawakkil III diminta menanggung sendiri perbelanjaan *Nafaqa al-Safar* (belanja sara hidup pada awal ekspedisi ketenteraan) yang sebelum itu ia dibiayai oleh pihak sultan (Ibn Iyas, 1960, 5: 33).

3. Para Khalifah Pada Zaman Mamluk Dari 872H/1468M Sehingga 922H/1517M.

Terdapat seramai 4 orang individu yang telah dilantik sebagai khalifah pada sepanjang tempoh 872H/1468M hingga 922H/1517M iaitu Khalifah al-Mustanjid (859-884H/1455-1479M), Khalifah al-Mutawakkil II (884-903H/1479-1497M), Khalifah al-Mustamsik (903-914H/1497-1508M) [khilafah pertama], (922-923H/1516-1517M) [khilafah kedua] dan Khalifah al-Mutawakkil III (914-922H/1508-1516M) [khilafah pertama], (923H/1517M) [khilafah kedua].

i) Khalifah al-Mustanjid (859-884H/1455-1479M)

Beliau ialah Abu al-Mahasin al-Jamali Yusuf b. Muhammad al-Mutawakkil (I) b. al-Mu'tadid (I) Abu Bakr b. Sulayman al-Mustakfi (I) dan merupakan khalifah 'Abbasiyyah ke 13 di Kaherah (Ibn Iyas, 1960, 3: 151). Ayahnya, al-Mutawakkil I, pernah dilantik sebagai khalifah sebanyak dua kali iaitu sekali pada zaman Mamluk Turki dan sekali lagi pada era Mamluk Jarkashi. Sebelum pelantikan al-Mustanjid sebagai khalifah, empat orang abangnya telah pun memegang jawatan dan mereka adalah al-Musta'in, al-Mu'tadid II, al-Mustakfi II dan al-Qa'im (al-Sakhawi, 1354H, 10: 329; al-Zirikli, t.th., 8: 251).

al-Mustanjid dilantik sebagai khalifah pada Khamis, 13 Rejab, 859H/29 Jun 1455M setelah abangnya, al-Qa'im ditangkap dan dipenjarakan. Dilaporkan bahawa pelantikannya menggantikan al-Qa'im disokong oleh al-Bulqini iaitu ketua kadi, yang dikatakan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan al-Mustanjid (al-Sakhawi, 1354H, 10: 329-330). Ini menunjukkan ulama pada ketika itu juga mempunyai peranan dalam pemilihan seseorang khalifah. Namun, hal-hal seperti ini amat jarang berlaku dan bagi sultan yang memerintah, ia tidak perlu tunduk kepada sebarang nasihat dan cadangan ulama.

Sepanjang pemerintahannya selama 25 tahun, al-Mustanjid telah berkhidmat di bawah enam orang sultan iaitu al-Ashraf Inal, al-Mu'ayyad Ahmad b. Inal, al-Zahir Khushqaddam, al-Zahir Yalbay, al-Zahir Timurbugha and al-Ashraf Qaytbay (al-Suyuti, 1952: 513-514). Dalam tempoh suku abad tersebut, beliau tidak mempunyai apa-apa kuasa politik, malah kedudukannya adalah terlalu lemah berbanding para khalifah yang lebih awal. Sultan Khushqaddam yang sedang menghadapi pemberontakan Janim al-Ashrafi, seorang gabenor Syria, telah mengurung al-Mustanjid di *Qal'at al-Jabal* bagi mengelakkan beliau 'digunakan' oleh pihak pemberontak atau bergabung dengan mereka (Haarmann,

1993, 7: 727). Hal ini jelas menunjukkan bahawa beliau telah dipergunakan oleh sultan Mamluk dalam pertikaian politik dalaman untuk mengekalkan kekuasaan mereka.

Pada zaman Sultan al-Ashraf Qaytbay, *Iqta'* milik Khalifah al-Mustanjid di Inbahah yang dikurniakan oleh Sultan al-Mu'ayyad Ahmad b. al-Ashraf Inal telah ditarik balik dan diberikan kepada Janibak Habib iaitu seorang amir Sultan al-Ashraf Qaytbay. al-Mustanjid juga dipaksa bersetuju dengan cadangan Sultan al-Ashraf Qaytbay yang bercadang menggunakan harta wakaf bagi menanggung kos perbelanjaan ekspedisi tentera menentang Shah Suwar (Wan Kamal et al., 2012: 345-348; Wan Kamal, 2012: 303-309).^{vii} Walau bagaimanapun, cadangan tersebut terpaksa dibatalkan kerana mendapat tentangan Amin al-Din Yahya al-Aqasara'i, Shaykh al-Islam di Mesir pada ketika itu (Ibn Iyas, 1960, 3: 13,15).

Pada zaman Sultan al-Ashraf Qaytbay juga, beliau telah menganugerahkan *Taqlid* (surat watakah) pada 876H/1471M kepada al-Malik Ghiyath al-Din, seorang raja kerajaan Islam di India bagi mengesahkan kesultanannya. Permohonan al-Malik Ghiyath al-Din untuk memperolehi *Taqlid* menunjukkan bahawa khilafah 'Abbasiyyah di Kaherah diiktiraf oleh beberapa buah kerajaan Islam di dunia. al-Mustanjid diarah untuk mendiami semula *Qal'at al-Jabal* semenjak zaman Sultan Khushqaddam setelah beberapa orang khalifah yang awal diarah untuk tinggal di luar *Qal'at al-Jabal* tersebut. al-Mustanjid meninggal dunia pada 24 Muharram 884H/17 April 1479M ketika berusia 80 tahun dan tidak meninggalkan anak lelaki untuk mewarisi dan menggantikannya sebagai khalifah (Ibn Iyas, 1960, 3: 65,151; al-Sayrafi, 1970: 115).

ii) **Khalifah al-Mutawakkil II (884-903H/1479-1497M)**

Beliau ialah Abu al-'Izz 'Abd al-'Aziz b. Ya'qub b. Muhammad al-Mutawakkil (I) b. al-Mu'tadid Abu Bakr b. Sulayman al-Mustakfi (I) dan dilantik sebagai khalifah ke-14 di Kaherah pada 26 Muharram 884H/19 April 1479M melalui wasiat yang ditinggalkan oleh bapa saudaranya, al-Mustanjid. Sultan al-Ashraf Qaytbay tampaknya bersetuju dengan pelantikan beliau memandangkan pada masa tersebut tiada calon lain yang sesuai daripada Banu 'Abbas melainkan beliau. Ibn Iyas, menyatakan bahawa Sultan al-Ashraf Qaytbay telah mengarahkannya tinggal di luar *Qal'at al-Jabal* pada 899H/1493M setelah kediamannya di situ musnah dalam satu kebakaran. Namun begitu, beliau diarahkan oleh Sultan al-Nasir Muhammad b. Qaytbay untuk kembali tinggal di *Qal'at al-Jabal* pada 902H/1496M setelah kediamannya itu siap dibaiki (Ibn Iyas, 1960, 3: 151-152,338; al-Sakhawi, 1354H, 4: 236).

al-Mutawakkil II dilaporkan terseret dalam konflik politik apabila beliau dipaksa menyertai Atabak Qansuh Khamsumi'ah menggulingkan Sultan al-Nasir Muhammad daripada takhta pada 902H/1496M dan kemudian memberi baiah kepadanya sebagai sultan yang baru. Walau bagaimanapun, selepas berada di atas takhta selama tiga hari, Atabak Qansuh Khamsumi'ah telah dikalahkan tentera Sultan al-Nasir Muhammad. Lantaran itu, Khalifah al-Mutawakkil II tidak mempunyai sebarang pilihan melainkan terpaksa membaiah Sultan al-Nasir Muhammad untuk kali kedua (Ibn Iyas, 1960, 3: 342-345).

Pada zaman Sultan al-Nasir Muhammad juga, al-Mutawakkil II telah melantik Jalal al-Din al-Asyuti sebagai ketua kadi bagi empat mazhab yang terdapat di Mesir tanpa merujuk kepada sultan yang masih kecil pada ketika itu. Namun begitu, Jalal al-Din kemudiannya telah dipecat dan jawatan tersebut dihapuskan kerana bantahan para kadi yang menyatakan bahawa jawatan seperti itu tidak pernah wujud sejak awal zaman kerajaan Mamluk. Tambahan pula, seseorang khalifah itu tidak mempunyai autoriti untuk melantik dan memecat seseorang individu selagi sultan masih ada atau hidup (Ibn Iyas, 1960, 3: 339). Peristiwa yang berlaku ini jelas menunjukkan bahawa khalifah pada zaman Mamluk sememangnya tidak mempunyai apa-apa kuasa.

Tidak seperti khalifah-khalifah yang lain, al-Mutawakkil II telah dilaporkan sebagai individu yang mempunyai minat mendalam terhadap ilmu pengetahuan Islam seperti al-Quran, Hadis, Bahasa Arab dan Fiqah (al-Sakhawi, 1354H, 4: 236; al-Suyuti, 1952: 514-515). Di samping itu, beliau juga mempunyai hubungan yang rapat dengan sebilangan ulama pada ketika itu. Sebagai contoh, Jalal al-Din al-Asyuti telah menulis dua buah buku untuk beliau iaitu *Kitab al-Asas fi Fadl Bani al-'Abbas* dan *Kitab Raf' al-Ba's 'an Bani al-'Abbas*. al-Mutawakkil II meninggal dunia pada Muharram 903H/Ogos-September 1497M ketika berusia 84 tahun selepas menjawat jawatan khalifah selama 19 tahun (Salim, 1965, 2: 40; Ibn Iyas, 1960, 3: 379).

iii) Khalifah al-Mustamsik (903-914H/1497-1508M) [Khilafah Pertama], (922-923H/1516-1517M) [Khilafah Kedua]

Beliau ialah Sharaf al-Din Abu al-Sabr Ya'qub b. 'Abd al-'Aziz al-Mutawakkil (II) dan merupakan Khalifah 'Abbasiyyah ke-15 di Kaherah. Sultan al-Nasir Muhammad telah melantik beliau sebagai khalifah pada Safar 903H/September 1497M berdasarkan surat wasiat al-Mutawakkil II yang ditulis sedikit masa sebelum kematiannya pada bulan Muharram dalam tahun yang sama. Pelantikan al-Mustamsik sebagai khalifah telah mendapat tentangan sepupunya, Khalil yang berusaha merebut jawatan tersebut, tetapi gagal. Adalah dilaporkan bahawa beberapa orang amir yang berpengaruh seperti Azbak al-Yusufi dan Taghri Birdi al-Ustadar telah membantu al-Mustamsik dalam mengetepikan Khalil (al-Suyuti, 1952: 516; Ibn Iyas, 1960, 3: 380).

Sepanjang jawatannya sebagai khalifah selama 11 tahun, al-Mustamsik telah berkhidmat di bawah lima orang sultan dan memberi membaiah kepada mereka. Mereka ialah al-Nasir

Muhammad, al-Zahir Qansuh, al-Ashraf Janbalat, al-‘Adil Tumanbay, Qansuh al-Ghawri dan al-Ashraf Tumanbay. Ketika al-‘Adil Tumanbay bangun memberontak menentang Sultan al-Ashraf Janbalat dan kemudian berjaya menguasai Syria, Khalifah al-Mustamsik tidak mampu berbuat apa-apa untuk menyekat al-‘Adil Tumanbay daripada menjadi sultan di situ. al-‘Adil Tumanbay dilaporkan telah berpakat dengan para kadi tempatan di Damsyik memecat al-Ashraf Janbalat daripada jawatan sultan di Mesir dan beliau sendiri kemudiannya dilantik serta diisytiharkan sebagai sultan yang baru tanpa mendapat baiah daripada Khalifah al-Mustamsik. Menurut Ibn Iyas, dalam peristiwa ini, majoriti para amir yang dominan dan berpengaruh telah memberi baiah mereka kepada al-‘Adil Tumanbay (Ibn Iyas, 1960, 3: 333,405,439,453,465,4: 4, 5: 105).

Hal ini jelas menunjukkan bahawa baiah yang diberikan oleh khalifah kepada mana-mana sultan hanyalah tradisi sahaja dalam kerajaan Mamluk yang mana ia sebenarnya tidak perlu patuhi atau ditaati oleh seseorang amir yang berhasrat untuk menjadi sultan. Hal ini turut memperlihatkan bahawa khalifah pada zaman Mamluk sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk mengekalkan kedudukan seseorang sultan apabila ia dicabar oleh amir lain, malah khalifah turut tidak berkuasa dalam menentukan siapa yang bakal dilantik sebagai sultan. Khalifah al-Mustamsik kemudiannya terpaksa membaiah al-‘Adil Tumanbay tanpa berlengah apabila al-‘Adil Tumanbay berjaya mengalahkan al-Ashraf Janbalat di Mesir pada 906H/1501M (Ibn Iyas, 1960, 3: 465).

Pada 2 Shaban 914H/25 November 1508M, Khalil sekali lagi dilaporkan mencabar ‘kesahan’ al-Mustamsik sebagai khalifah kerana pada masa tersebut matanya telah buta dan ini tidak mengizinkan beliau berfungsi sebagai khalifah. Walau bagaimanapun, usaha kedua beliau turut menemui kegagalan kerana anak al-Mustamsik iaitu al-Mutawakkil III berjaya membuktikan Khalil tidak layak untuk jawatan khalifah. Al-Mutawakkil III menyatakan bahawa Khalil tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang baik, malah beliau juga tidak mampu untuk membaca al-Quran dengan baik. Justeru, sultan pada waktu tersebut iaitu Qansuh al-Ghawri telah mengambil keputusan untuk melantik khalifah baru bagi menamatkan konflik yang berlaku. Oleh itu, dalam *Majlis* (mesyuarat) yang diadakan pada 4 Shaban/27 November, beliau telah melantik al-Mutawakkil III sebagai khalifah selepas al-Mustamsik sendiri mengisytiharkan peletakan jawatan dan memberi persetujuan atau autoriti kepada Mutawakkil III untuk dilantik sebagai khalifah (Ibn Iyas, 1960, 4: 139-141).

al-Mustamsik dilaporkan telah mengambil alih tugas-tugas khalifah buat kali kedua pada 922H/1516M dan membaiah sultan Mamluk terakhir, al-Ashraf Tumanbay memandangkan al-Mutawakkil III pada ketika itu telah pun dijadikan tawanan ‘Uthmaniyyah di Syria. Para naib kadi kesemuanya telah mengesahkan ‘legality’ baiah yang dilakukan oleh al-Mustamsik sebagai wakil kepada al-Mutawakkil III kerana al-Mutawakkil III telahpun

menulis watakah menurunkan kuasanya kepada al-Mustamsik untuk bertugas atau berfungsi sebagai khalifah. al-Mutawakkil III dikatakan telah menulis watakah tersebut sebelum pemergiannya ke Syria untuk menemani Sultan Qansuh al-Ghawri bagi memerangi pihak ‘Uthmaniyyah di Marj Dabiq. Kedudukan al-Mustamsik sebagai ‘khalifah sementara’ berakhir apabila al-Mutawakkil III kembali semula ke Mesir bersama Sultan Salim yang berjaya menewaskan Mamluk. Setelah al-Mutawakkil III dibawa ke Istanbul, al-Mustamsik dilaporkan tidak menjalankan apa-apa peranan sebagai khalifah. Beliau meninggal dunia pada 19 Rabiulakhir 927H/28 Mac 1521M pada zaman pemerintahan gabenor Khayr Beg di Mesir (Ibn Iyas, 1960, 5: 104-105,388-389; Salim, 1965, 2: 43).

iv) Khalifah al-Mutawakkil III (914-922H/1508-1516M) [Khilafah Pertama], (923H/1517M) [Khilafah Kedua]

Beliau ialah Abu ‘Abd Allah al-Nasir Muhammad b. al-Mustamsik Ya‘qub dan merupakan Khalifah ‘Abbasiyyah yang terakhir di Kaherah. Beliau menggantikan ayahnya sebagai khalifah pada 4 Shaban 914H/27 November 1508M setelah mendapat persetujuan Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri. Semasa menjadi khalifah, al-Mutawakkil III menjalankan tugas-tugas tidak penting sebagaimana yang pernah dilaksanakan oleh para khalifah terdahulu seperti memberi baiah kepada sultan, menyampaikan ucapan tahniah pada setiap awal bulan Islam kepada sultan, menerima tetamu negara dan menghadiri majlis serta mesyuarat tanpa memberi sebarang pandangan dan pendapat (Ibn Iyas, 1960, 4: 140-141, 4: 305,324,413,417,446).

Dalam pertempuran menentang ‘Uthmaniyyah di Marj Dabiq pada Rabiulawal 922H/Mei 1516M., al-Mutawakkil III serta empat orang ketua kadi Mesir telah mengiringi Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri dan setelah kekalahan Mamluk dalam pertempuran tersebut, beliau telah dijadikan tawanan oleh Sultan Salim. Walau bagaimanapun, al-Mutawakkil III dilaporkan telah menerima layanan yang baik dan beliau diberi peluang untuk meneruskan beberapa tugas rasminya sebagai khalifah untuk seketika di Mesir sebelum dibawa ke Istanbul pada Jamadilawal 923/Jun 1517M (Ibn Iyas, 1960, 5: 41; Arnold, 1924: 139-141). Dalam hal ini, penulis berpandangan bahawa berkemungkinan Sultan Salim telah ‘menggunakannya’ untuk tujuan politik beliau bagi memujuk penduduk Mesir untuk menerima pemerintahan atau kerajaan baru.

al-Mutawakkil III pulang semula ke Kaherah pada zaman Sultan Sulayman al-Qanuni. Sebelum beliau meninggal dunia, al-Mutawakkil III dilaporkan telah memainkan semula peranannya sebagai khalifah apabila beliau memberi autoriti kepada Ahmad Pasha untuk dilantik sebagai sultan pada 930H/1523M. Namun, Ahmad Pasha kemudiannya telah ditewaskan oleh tentera ‘Uthmaniyyah. Khalifah al-Mutawakkil III meninggal dunia di Kaherah, Mesir pada tahun 950H/1543M.

4. Berakhirnya Sistem Khilafah di Mesir Pada Zaman Mamluk

Sistem khilafah ‘Abbasiyah di Kaherah berakhir apabila pemimpin kerajaan ‘Uthmaniyyah iaitu Sultan Salim membawa khalifah terakhir, al-Mutawakkil III ke Istanbul dan memenjarakannya. Ini berikutan kekalahan Mamluk dalam peperangan di Syria dan kemudiannya di Mesir. Pada zaman Sultan Sulayman al-Qanuni, beliau dilaporkan kembali semula ke Mesir dan tidak memainkan apa-apa peranan sebagai khalifah melainkan dalam satu usaha beliau untuk melantik Ahmad Pasha, seorang pemberontak terhadap kerajaan ‘Uthmaniyyah di Mesir (Muir, 1915: 596).

Menurut P. M. Holt (1978, 4: 945), tidak terdapat suatu sumber sejarah pun yang menyebut bahawa Sultan Salim cuba mengambil alih gelaran khalifah tersebut. Begitu juga, tidak ada sebarang pengesahan maklumat yang menyatakan terdapat usaha-usaha yang dilakukan untuk memindahkan sistem khilafah ke Istanbul secara rasmi. Sebagai bukti, sejarawan Mamluk, Ibn Tulun (1962, 2: 78,90) dalam bukunya *Mufakahat al-Khillan* masih lagi menyebut bahawa al-Mutawakkil III ialah khalifah meskipun selepas ‘Uthmaniyyah berjaya menguasai Mesir.

5. Penutup

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa kewujudan Khilafah ‘Abbasiyyah pada zaman Mamluk Jarkashi adalah kesinambungan daripada Khilafah ‘Abbasiyyah pada zaman Mamluk Turki dan tiada sebarang perubahan dibuat terhadap kedudukan atau status para khalifah melainkan mereka didapati semakin lemah dan tidak berupaya.

Para khalifah pada zaman yang dikaji dilaporkan tidak memiliki apa-apa kuasa selain nama dan mereka juga jarang-jarang sekali melibatkan diri dalam politik semasa, malah sering kali dipergunakan oleh sultan yang memerintah. Sebenarnya, sultan adalah individu yang paling berkuasa dalam pemerintahan Mamluk dan mereka pada asalnya merupakan amir atau pemimpin bagi sesebuah kumpulan Mamluk yang paling dominan. Beberapa orang individu telah dilantik sebagai khalifah pada zaman yang dikaji memperlihatkan bahawa mereka sentiasa diperalatkan dalam pertelingkahan antara kumpulan Mamluk yang semakin bertelagah antara satu sama lain bagi mengukuhkan kedudukan mereka mahupun untuk merebut takhta.

6. Rujukan

Abu Shamah, Shihab al-Din Abu Muhammd ‘Abd al-Rahman b. Isma‘il al-Ma‘ruf bi. 1947. *Tarajim Rijal al-Qarnayn al-Sadis wa al-Sabi‘ al-Ma‘ruf bi Dhayl ‘ala al-Rawdatayn*. Sunt. Muhammad Zahid b. al-Hasan al-Kawthari. Kaherah: Dar al-Kutub al-Malikiyyah.

Arnold, Thomas W. 1924. *The Caliphate*. Oxford: The Clarendon Press.

Baybars al-Mansuri al-Dawadar, al-Amir Rukn al-Din. 1998. *Zubdat al-Fikrah fi Tarikh al-Hijrah*. Sunt. Donald S. Richards. Beirut: al-Sharikah al-Muttahidah lil Tawzi'.

Haarmann, U. 1993. 'al-Mustandjij.' Dlm. *The Encyclopaedia of Islam (New Edition)*. Sunt. C. E. Bosworth et al. Leiden: E. J. Brill. 7: 727.

Hasan, 'Ali Ibrahim. 1954. *Misr fi al-'Usur al-Wusta min al-Fath al-'Arabi ila al-Fath al-'Uthmani*. Cairo: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.

Holt, P.M. 1984. "Some Observations on the 'Abbasid Caliphate of Cairo.'" *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*. 47: 501-507.

Holt, P. M. 1978. 'Khalifa, E. The Institution of the Caliphate after 658/1258.' Dlm. *The Encyclopaedia of Islam (New Edition)*. Sunt. E. Von Donzel et al. Leiden: E. J. Brill. 4: 944-946.

Ibn Iyas al-Hanafi, Muhammad b. Ahmad. 1960. *Bada'i al-Zuhur fi Waqa'i al-Duhur*. Sunt. Muhammad Mustafa. Jil. 3-5. Kaherah: t.pt.

Ibn Kathir al-Qurashi al-Dimashqi, 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il b. 'Umar. T.th. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Jil. 13. Kaherah: Matba'at al-Sa'adah.

Ibn Shahin al-Zahiri, Gharas al-Din Khalil. 1894. *Kitab Zubdat Kashf al-Mamalik wa Bayan al-Turuq wa al-Masalik*. Sunt. Paul Ravaisse. Paris: Imprimerie Nationale.

Ibn Taghri Birdi al-Atabaki, Jamal al-Din Abu al-Mahasin Yusuf. T.th. *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah*. Jil. 7. T.tp.: al-Mu'assasah al-Misriyyah al-'Ammah lil Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Tiba'ah wa al-Nashr.

Ibn Tulun, Shams al-Din Muhammad. 1962. *Mufakahat al-Khillan fi Hawadith al-Zaman – Tarikh Misr wa al-Sham*. Sunt. Muhammad Mustafa. Jil. 2. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Irwin, Robert. 1986. *The Middle East in the Middle Ages: The Early Mamluk Sultanate 1250-1382*. London: Croom Helm.

Khowaiter, Abdul-Aziz. 1978. *Baibars the First: His Endeavours and Achievements*. London: The Green Mountain Press.

- Mahayudin Hj. Yahya. 1988. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Jil. 1. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majid, ‘Abd Mun‘im. 1964. *Dawlat Salatin al-Mamalik wa Rasumuhum fi Misr – Dirasat Shamilah lil Nuzum al-Siyasiyyah*. Jil. 1. Cairo: Maktabat al-Anjlu al-Misriyyah.
- al-Maqrizi, Ahmad b. ‘Ali. 1957. *Kitab al-Suluk li Ma‘rifat Duwal al-Muluk*. Jil. 1-3. Sunt. Muhammad Mustafa Ziyadah. Kaherah: Matba‘at Lujnat al-Ta‘lif wa al-Tarjamah wa al-Nashr.
- Muir, Henry William. 1915. *The Caliphate Its Rise, Decline, and Fall from Original Sources*. Edinburgh: John Grant.
- Northrup, Linda S. 1998. ‘The Bahri Mamluk Sultanate, 1250-1390.’ Dlm. *The Cambridge History of Egypt – Islamic Egypt, 640-1517*. Sunt. Carl F. Petry. Cambridge: Cambridge University Press. 1: 242-289.
- al-Safadi. 1969. *al-Wafi bi al-Wafayat*. Jil. 7. Sunt. Ihsan ‘Abbas. Wiesbaden: Franz Steiner.
- al-Safadi, Salah al-Din Khalil b. Aybak. 1972. *Kitab al-Wafi bi al-Wafayat*. Jil.6. Sunt. Suen Dederling. Wiesbaden: Franz Steiner.
- al-Sakhawi, Shams al-Din Muhammad b. ‘Abd al-Rahman. 1354H. *al-Daw’ al-Lami‘ li Ahl al-Qarn al-Tasi‘*. Jil. 4 & 10. Cairo: Maktabat al-Quds.
- Salim, Mahmud Razq. 1965. *‘Asr Salatin al-Mamalik wa Nitajuhu al-‘Ilmi wa al-Adabi*. Jil. 2. T.tp.: Dar al-Hamami.
- al-Sayrafi, ‘Ali b. Dawud al-Jawhari. 1970. *Inba’ al-Hasr bi Abna’ al-‘Asr*. Sunt. Hasan Habashi. Kaherah: Matba‘at al-Madani.
- Shalabi, Ahmad. 1990. *al-Tarikh al-Islami wa al-Hadarah al-Islamiyyah*. Jil. 5. Kaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Surur, Muhammad Jamal al-Din. 1938. *al-Zahir Baybars wa Hadarat Misr fi ‘Asrihi*. Kaherah: t. pt.
- Surur, Muhammad Jamal al-Din. 1985. *Dawlat Bani Qalawun fi Misr: al-Halah al-Siyasiyyah wa al-Iqtisadiyyah, fi ‘Ahdha bi Wajh Khass*. T.tp.: Dar al-Fikr al-‘Arabi.

al-Suyuti, al-Imam al-Hafiz Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman b. Abu Bakr. 1952. *Tarikh al-Khulafa’*.
Sunt. Muhammad Muhy al-Din ‘Abd al-Hamid. Mesir: Matba‘at al-Sa‘adah.

al-Suyuti, Jalal al-Din. 1299H. *Husn al-Muhadarah fi Akhbar Misr wa al-Qahirah*, Jil. 2. Mesir:
Matba‘at Idarat al-Watan.

Wan Kamal Mujani (et al.). 2011. “The Economic Decline of Circassian Mamluks in Egypt.”
International Business Management. 5: 345-348;

Wan Kamal Mujani. 2012. “The Expenses of Mamluk Army during the Burji Period.” *Advances
in Natural and Applied Sciences*. 6(3): 303-309.

al-Yunini, al-Shaykh Qutub al-Din. (1955). *Dhayl Mir‘at al-Zaman*. Jil. 2. Hyderabad: al-
Matba‘ah Majlis Da’irat al-Ma‘arif al-‘Uthmaniyyah.

al-Zirikli, Khayr al-Din. T.th. *al-A‘lam - Qamus Tarajim li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa’ min al-
‘Arab wa al-Musta‘rabin wa al-Mustashriqin*. Jil. 10. Beirut: Dar al-‘Ilm lil Malayin.

About the Author

Wan Kamal Mujani (Ph.D.) is an associate professor at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He is currently Deputy Director of Institute of West Asian Studies (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr. Wan Kamal teaches undergraduate level students in Early and Medieval Islamic History and postgraduate level students in Arabic Texts and Sources in Islamic History. His main research interest is in the areas of Islamic Historiography and Economic History in the Middle East, Levant & Mediterranean and also issues in Muslim contemporary. He can be contacted at inawan@ukm.my or inamal@yahoo.com.

LAMPIRAN I

Khilafah ‘Abbasiyyah di Kaherah, Mesir

659H/1261M	al-Mustansir
661H /1262M	al-Hakim
701H/1302M	al-Mustakfi I
740H/1340M	al-Wathiq I
741H/1341M	al-Hakim II
753H/1352M	al-Mu‘tadid I
763H/1362M	al-Mutawakkil I (Khilafah pertama)
779H/1377M	al-Mu‘tasim (Khilafah pertama)
779H/1377M	al-Mutawakkil I (Khilafah kedua)
785H/1383M	al-Wathiq II
788H/1385M	al-Mu‘tasim (Khilafah kedua)
791H/1389M	al-Mutawakkil I (Khilafah ketiga)
808H/1406M	al-Musta‘in
816H/1414M	al-Mu‘tadid II
845H/1441M	al-Mustakfi II
855H/1451M	al-Qa’im
859H/1455M	al-Mustanjid
884H/1479M	al-Mutawakkil II
903H/1497M	al-Mustamsik (Khilafah pertama)
914H/1508M	al-Mutawakkil III (Khilafah pertama)
922H/1516M	al-Mustamsik (Khilafah kedua)
923H/1517M	al-Mutawakkil III (Khilafah kedua)

Nota Hujung

ⁱMenurut al-Safadi, Sultan al-Muzaffar Qutuz sebenarnya telahpun menjalankan usaha untuk menghidupkan semula sistem khilafah ini pada zaman beliau lagi apabila ia memberi baiah kepada Ahmad b. al-Hasan dan berjanji akan melantiknya sebagai khalifah di Kaherah. Walau bagaimanapun, hasrat beliau tidak kesampaian apabila beliau dibunuh oleh Baybars. Lihat Salah al-Din Khalil b. Aybak al-Safadi, *Kitab al-Wafi bi al-Wafayat*, sunt. Suen Dederling, (Wiesbaden: Franz Steiner, 1972), 6: 217-218.

ⁱⁱBeliau mendakwa dirinya adalah daripada keturunan Banu al-‘Abbas iaitu sebagai anak, abang dan bapa saudara kepada tiga orang khalifah yang terakhir di Baghdad. Lihat al-Safadi, *al-Wafi bi al-Wafayat*, sunt. Ihsan ‘Abbas, (Wiesbaden: Franz Steiner, 1969), 7: 384-386.

ⁱⁱⁱ Beliau mendakwa dirinya adalah generasi keempat daripada keturunan al-Mustarshid (512-529H/1118-1135M). Lihat Jalal al-Din al-Suyuti, *Husn al-Muhadarah fi Akhbar Misr wa al-Qahirah*, (Mesir: Matba‘at Idarat al-Watan, 1299H.), 2: 62-63; al-Imam al-Hafiz Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman b. Abu Bakr al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa’*, sunt. Muhammad Muhy al-Din ‘Abd al-Hamid, (Mesir: Matba‘at al-Sa‘adah, 1952), hlm. 478-479.

^{iv}Lihat LAMPIRAN I. Sesetengah sejarawan seperti Ibn Iyas tidak menganggap al-Mustansir sebagai Khalifah ‘Abbasiyyah di Mesir yang pertama, sebaliknya al-Hakim. Lihat Muhammad b. Ahmad b. Iyas al-Hanafi, *Bada‘i al-Zuhur fi Waqa‘i‘ al-Duhur*, sunt. Muhammad Mustafa, (Kaherah: t.pt., 1960), 3: 151.

^v Sebagai contoh, Khalifah al-Hakim telah mengiringi Sultan al-Nasir Muhammad b. Qalawun dalam peperangan menentang Ghazan pada 702H/1302M dan Khalifah al-Mutawakkil III pula menemani Sultan Qansuh al-Ghawri dalam perang di Marj Dabiq pada 922H/1517M. Lihat al-Maqrizi, *al-Suluk*, 1: 923; Ibn Iyas, *Bada‘i‘ al-Zuhur*, 5: 41.

^{vi} Penempatan atau kediaman para khalifah di *Qal‘ah al-Jabal* adalah sementara kerana sesetengah khalifah selepas al-Hakim diarahkan untuk tinggal di luar *Qal‘ah* tersebut. Walau bagaimanapun, sejak 865H/1461M, para khalifah bermula dari al-Mustanjid diarah tinggal semula dalam *Qal‘ah* sehinggalah kejatuhan kerajaan Mamluk. Lihat al-Sayrafi, *Inba‘ al-Hasr*, hlm. 1,115,183,316.

^{vii} Shah Suwar ialah pemimpin kelapan Dinasti Dhu al-Ghadir di tenggara Anatolia yang mula menggugat kedaulatan kerajaan Mamluk sebaik sahaja Sultan al-Ashraf Qaytbay dilantik menjadi sultan. Dalam pemberontakan terhadap Mamluk, beliau dilaporkan telah mendapat sokongan kerajaan ‘Uthmaniyyah secara sulit. Namun, agenda politik beliau yang sebenar ialah untuk ‘membebaskan’ Dinasti Dhu al-Ghadir daripada mana-mana pengaruh sama ada Mamluk mahupun ‘Uthmaniyyah dan menjadikan Dinasti tersebut sebagai sebuah kerajaan yang berautonomi sendiri. Akhirnya Shah Suwar tewas pada tahun 876H/1472M setelah beberapa ekspedisi tentera dilancarkan oleh Sultan al-Ashraf Qaytbay dan dinasti tersebut kembali semula

di bawah naungan Mamluk. Lihat Wan Kamal Mujani et al., “The Economic Decline of Circassian Mamluks in Egypt,” dlm. *International Business Management*, 5 (2011), hlm. 345-348; Wan Kamal Mujani, “The Expenses of Mamluk Army during the Burji Period,” *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6 (3) (2012), hlm. 303-309.